



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

REBUT SEGERA TAWARAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA

Seremban, 17 Disember 2018 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menyeru semua pembayar cukai yang mempunyai isu pematuhan cukai agar merebut tawaran Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) yang diumumkan oleh kerajaan pada pembentangan Belanjawan 2019 yang lalu.

Program Khas Pengakuan Sukarela yang bermula pada 3 November 2018 dan akan tamat pada 30 Jun 2019, menawarkan kadar penalti yang sangat rendah iaitu hanya 10 peratus dan 15 peratus berbanding kadar penalti asal yang lebih tinggi iaitu 80 peratus sehingga 300 peratus bermula 1 Julai 2019.

Dalam tempoh sebulan PKPS ini dilancarkan, kira-kira 35,000 pembayar cukai baharu telah mendaftar fail cukai mereka dan hampir 2,000 pembayar cukai pelbagai kategori telah membuat pengisytiharan cukai dengan amaun cukai tambahan dan penalti yang ditaksir hampir RM60 juta. Bagi duti setem pula, kira-kira 3,000 suratcara telah disetamkan dengan amaun duti dan penalti hampir RM2 juta. Perkara demikian dimaklumkan oleh YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ketika melakukan lawatan rasmi ke Pejabat LHDNM Cawangan Seremban pada hari ini. Beliau juga turut sama mengedarkan risalah Program Khas Pengakuan Sukarela kepada pengunjung di Pejabat LHDNM Cawangan Seremban dan bangunan sekitarnya.

Kenyataan Media LHDNM, 17 Disember 2018

Pengakuan sukarela ini boleh dibuat di mana-mana pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di seluruh negara. Bagi keterangan dan maklumat lanjut, pembayar cukai boleh melawati portal rasmi LHDNM di pautan www.hasil.gov.my atau klik di pautan www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GO_012018_01.pdf untuk memuat turun Garis Panduan Operasi Bilangan 1 Tahun 2018 yang bertajuk “Program Khas Pengakuan Sukarela” sebagai rujukan.

Sebarang pertanyaan mengenai pengakuan sukarela ini boleh diajukan kepada Hasil Careline di talian 1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara) atau e-mel pengakuansukarela@hasil.gov.my.



Gambar 1: YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah, KPE LHDNM bersalaman dengan pengunjung yang hadir ke Pejabat LHDNM Cawangan Seremban.



Gambar 2: YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah mengedarkan risalah dan menerangkan kepada pengunjung mengenai Program Khas Pengakuan Sukarela.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Moving  **Towards**
Together Excellence

Dikeluarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 17 Disember 2018

Kenyataan Media LHDNM, 17 Disember 2018